

NO.SOALAN : 376

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR
[POKOK SENA]**

DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR [POKOK SENA] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan nyatakan kenapa petrol dan diesel di Malaysia tidak menepati kualiti EURO 5 dan bila ia akan dikuatkuasakan.

JAWAPAN:

1. EURO 5 merujuk kepada spesifikasi petrol dan diesel yang melibatkan penambahbaikan dari segi pengurangan kandungan sulfur contohnya dari 500 parts per million (ppm) bagi produk petrol dan diesel sedia ada kepada hanya 10 ppm, *benzene* (maksimum 5% kepada 1%), *Reid vapour pressure*, dan juga *aromatics* dan *olefins*.
2. Penggunaan produk berspesifikasi EURO 5 mampu membantu mengurangkan penghasilan dan pelepasan asap yang berbahaya dari kenderaan terutamanya mono-nitrogen oksida (NO_x) yang merupakan bahan utama di dalam penghasilan hujan asid dan jerebu.
3. Satu jawatankuasa di bawah Unit Pengurusan Prestasi dan Perlaksanaan (PEMANDU) dan dianggotai oleh agensi-agensi dan kementerian-kementerian yang berkaitan telah ditubuhkan bagi membincangkan hal-hal berkaitan pelaksanaan penjualan produk petroleum berspesifikasi EURO 4M dan EURO 5 di seluruh Malaysia.
4. Hasil perbincangan, mesyuarat bersetuju untuk melaksanakan penjualan produk petroleum berspesifikasi EURO 4M dan EURO 5 secara berperingkat dan garis masa bagi pelaksanaan penjualan produk petroleum berspesifikasi EURO 4M dan EURO 5 adalah seperti berikut:

JENIS PRODUK	SPEKIFIKASI	TARIKH PELAKSANAAN
Petrol RON97	EURO 4M	September 2015
Petrol RON95		Oktober 2018
Diesel	EURO 5	September 2020
Petrol RON97		September 2025
Petrol RON95		September 2025

5. Antara permasalahan yang dihadapi oleh syarikat-syarikat minyak di dalam pelaksanaan penjualan produk petroleum berspesifikasi EURO 4M dan EURO 5 adalah seperti berikut:
- i. 2/3 daripada bekalan produk petroleum di Malaysia adalah diproses dan ditapis oleh syarikat-syarikat minyak di loji-loji penapisan minyak tempatan seperti di Kerteh, Melaka dan Port Dickson. Hanya 1/3 daripada bekalan diimport sepenuhnya oleh syarikat-syarikat minyak seperti BHPetrol dan Chevron (Caltex). Pada masa ini, loji-loji penapisan minyak tempatan ini hanya menghasilkan minyak berspesifikasi EURO 2M bagi memenuhi keperluan semasa di Malaysia. Untuk menghasilkan minyak berspesifikasi EURO 5, penambahbaikan yang besar perlu dilakukan ke atas loji-loji penapisan minyak sedia ada dan ini melibatkan tempoh yang lama dan memerlukan perbelanjaan modal (*capital expenditure* - CAPEX) yang sangat besar.
 - ii. Kebanyakan talian paip di depoh-depoh adalah dikongsi bersama di antara syarikat-syarikat minyak dan ini meningkatkan risiko pencemaran produk sekiranya talian paip yang sama digunakan untuk produk petroleum berspesifikasi EURO 2M dan EURO 5 terutamanya kerana peratusan sulfur bagi produk berspesifikasi EURO 5 yang jauh lebih rendah.
 - iii. Kos-kos pengubahsuaian di stesen-stesen minyak yang melibatkan pertambahan tangki simpanan petroleum, pertambahan nozel untuk mengepam minyak ke kenderaan dan perpaipan yang baru juga memerlukan masa dan perbelanjaan modal yang tinggi.

6. Dengan mengambil kira keperluan pengguna kenderaan masa kini, Kementerian sentiasa menggalakkan syarikat-syarikat minyak yang mempunyai kemampuan untuk membekalkan petrol dan diesel berspesifikasi EURO 4M atau EURO 5 lebih awal dari garis masa yang ditetapkan namun produk-produk ini hendaklah dijual pada harga pasaran tanpa sebarang subsidi daripada Kerajaan.
7. Hasil perbincangan secara berterusan, sehingga kini terdapat dua (2) syarikat minyak yang telah memberi persetujuan untuk melaksanakan penjualan produk diesel EURO 5 lebih awal dari tempoh pelaksanaannya iaitu pada September 2020. Syarikat-syarikat tersebut adalah Syarikat Boustead Petroleum Marketing Sdn. Bhd. (BHPetrol) dan Petronas Dagangan Berhad (Petronas).
8. Sehubungan itu, sehingga 2 March 2015, sejumlah 13 stesen minyak di bawah jenama BHP dan Petronas telah mula menjual diesel berspesifikasi EURO 5 di negeri Johor.
9. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian hanya terlibat dari segi pemberian lesen dan memastikan pembekalan minyak adalah berterusan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 serta diniagakan pada harga yang telah ditetapkan.
10. Selain itu, syarat-syarat penjualan produk petroleum sedia ada juga perlu dipatuhi oleh pengusaha-pengusaha stesen minyak selain syarat-syarat am seperti penggunaan warna nozel yang ditetapkan bagi produk diesel berspesifikasi EURO 5 iaitu Biru PANTONE 300. Hal ini bagi membolehkan pengguna membuat perbezaan di antara produk diesel EURO 2M dan diesel EURO 5 ketika ingin mengisi minyak.

11. Pada masa yang sama, pengusaha-pengusaha stesen minyak ini juga adalah tertakluk di bawah syarat-syarat pengoperasian mengikut syarikat pembekal minyak masing-masing.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR
[POKOK SENA]**

SOALAN : 377

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan nyatakan jumlah saman sistem penguatkuasaan automatik (AES) yang telah dikeluarkan pada 12 Jun 2013 hingga sekarang dan berapakah jumlah yang telah dibayar kepada syarikat pengendali iaitu Beta Tegap Sdn. Bhd. dan *Automated Traffic Enforcement System (ATES)*.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bilangan saman AES yang telah dikeluarkan dari 12 Jun 2013 sehingga 25 Januari 2015 adalah sebanyak 1,061,566 saman. Berhubung bayaran fi perkhidmatan kepada syarikat penyedia perkhidmatan AES pula, sehingga 7 Januari 2015, Kerajaan telah membuat pembayaran sebanyak RM46,137,578.00 kepada kedua-dua syarikat tersebut. Perinciannya adalah seperti berikut:

SYARIKAT	JUMLAH (RM)
A.T.E.S Sdn. Bhd.	19,593,686.00
Beta Tegap Sdn. Bhd.	26,543,892.00
JUMLAH(RM)	46,137,578.00